



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


11 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 253 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 242,958 kes. Empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Tawau, Pitas, Tambunan dan Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 288 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 235,692 orang. Manakala 748 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 419 orang di hospital, 327 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awa dan dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 35 orang merangkumi 31 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 26 (27.66%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid dan Tongod berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga enam (6) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian naik mendadak sebanyak 92 kes hari ini berbanding jumlah kelmarin. Jumlah kes baharu ialah 253 kes.
- b. Lebih banyak daerah mencatat kes baharu yang lebih tinggi hari ini dengan 10 daerah merekodkan kes dua (2) angka berbanding lima (5) daerah sahaja semalam. Antaranya, Kota Kinabalu 49 kes (+20), Tuaran 29 kes (+10), Kota Marudu 19 kes (+14), Penampang 18 kes (+5) dan Sandakan 15 kes (+12). Cuma daerah Putatan dan Kunak yang tidak mencatat sebarang kes baharu.
- c. Adalah juga diperhatikan bahawa peratusan jumlah kes kategori Saringan Kontak Rapat (45.8%) dan kategori Saringan Bergejala (43.1%) hampir seimbang hari ini. Ini secara jelas mencerminkan betapa meluasnya virus COVID-19 berada ditengah-tengah masyarakat serta kelalaian ramai orang daripada mematuhi pelbagai SOP.
- d. Kita mengharapkan kes yang naik mendadak ini bukan berpunca daripada pelbagai acara sambutan Tahun Baru yang membelaikan SOP dan nasihat-nasihat KKM yang lain. Sekiranya acara-acara keramaian menyambut tahun baru adalah punca kenaikan kes hari ini, tidak mustahil kita akan menyaksikan jumlah kes harian yang lebih tinggi untuk beberapa waktu akan datang.
- e. Untuk makluman, 50 daripada 253 kes hari ini atau 19.76% melibatkan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun yang belum layak menerima vaksin. Statistik jangkitan yang melibatkan kanak-kanak bawah 12 tahun ini agak tinggi dan membimbangkan. Adalah diharapkan semua ibu bapa juga guru-guru di sekolah mengambil langkah-langkah dan inisiatif yang boleh mengurangkan risiko jangkitan keatas mereka yang masih belum layak menerima vaksin.

- f. Seramai 248 orang daripada 253 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, dua (2) orang pesakit dalam Kategori 3, dan seorang pesakit masing-masing dalam Kategori 4 dan Kategori 5. Satu (1) kes lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (116) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	109	43.08%
3	Kontak	116	45.85%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	28	11.06%
JUMLAH		253	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (10 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 10/01/2022	Catatan Kes 11/01/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	29	49	+20
2	Kota Marudu	5	19	+14
3	Sandakan	3	15	+12
4	Tuaran	19	29	+10
5	Tenom	5	12	+7
6	Sipitang	0	6	+6
7	Keningau	7	13	+6
8	Nabawan	0	5	+5
9	Beaufort	2	7	+5
10	Penampang	13	18	+5
11	Telupid	1	5	+4
12	Tongod	1	5	+4
13	Lahad Datu	0	4	+4
14	Tawau	7	10	+3
15	Kuala Penyu	4	7	+3
16	Kalabakan	0	2	+2
17	Pitas	0	2	+2
18	Beluran	0	2	+2
19	Tambunan	5	6	+1
20	Kinabatangan	0	1	+1
21	Semporna	1	1	Mendatar
22	Kunak	0	0	Mendatar
23	Papar	9	9	Mendatar
24	Ranau	28	11	-17
25	Putatan	3	0	-3
26	Kota Belud	15	13	-2
27	Kudat	4	2	-2
JUMLAH		161	253	+92

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (28 Disember – 10 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	32	13	0	4	49	529
Tuaran	0	20	6	0	3	29	366
Kota Marudu	0	1	11	0	7	19	106
Penampang	0	11	7	0	0	18	274
Sandakan	0	10	5	0	0	15	69
Kota Belud	0	3	7	0	3	13	258
Keningau	0	3	9	0	1	13	145
Tenom	0	6	6	0	0	12	79
Ranau	0	6	2	0	3	11	223
Tawau	0	7	0	0	3	10	61
Papar	0	1	6	0	2	9	166
Kuala Penyu	0	5	2	0	0	7	78
Beaufort	0	0	7	0	0	7	122
Tambunan	0	2	4	0	0	6	87
Sipitang	0	0	6	0	0	6	53
Tongod	0	0	5	0	0	5	22
Telupid	0	4	1	0	0	5	23
Nabawan	0	1	4	0	0	5	30
Lahad Datu	0	1	3	0	0	4	28
Kudat	0	1	1	0	0	2	29
Beluran	0	0	2	0	0	2	33
Pitas	0	1	1	0	0	2	15
Kalabakan	0	1	0	0	1	2	6
Semporna	0	0	1	0	0	1	8
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	15
Putatan	0	0	0	0	0	0	94
Kunak	0	0	0	0	0	0	6
JUMLAH	0	116	109	0	28	253	2925

- 6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,090 unit
- Hospital 1,243 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,657 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.29%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 11 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	250
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
Jumlah	253

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Emiriah Arab Bersatu	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	248
Bukan Malaysia	5
Jumlah	253

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	50
Belum Menerima Vaksin	13
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	176
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	14
Jumlah	253

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	18
6 to 11	29
12 to 17	20
18 to 25	37
26 to 59	120
>60	26
Jumlah	253

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 10 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,237 orang. Daripada jumlah ini, seramai 9,103 orang adalah penduduk dewasa dan 134 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 10 Januari 2022 adalah seramai 2,450,969 orang. Ini meliputi 2,114,255 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.65% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,406,168 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,094,151 orang atau 75.92% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,714 orang atau 77.58% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,017 atau 71.89% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,926** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,415 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 157 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1024 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 273 premis perniagaan dan 317 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Dayspring Marketing Sdn. Bhd., Inanam Point (2 Orang) dan Starko Sdn. Bhd., Inanam (1 Orang). Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik gagal memastikan pekerja mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di Dayspring Marketing Sdn. Bhd., Inanam Point.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 172 Premis Perniagaan melibatkan 339 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 92 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 78 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98.1%
2	Kunak	98.1%
3	Kota Marudu	98.1%
4	Kinabatangan	98.1%
5	Tenom	98.1%
6	Beaufort	98.1%
7	Beluran	98%
8	Semporna	98%
9	Tuaran	98%
10	Ranau	98%
11	Sipitang	98%
12	Kota Belud	98%
13	Lahad Datu	98%
14	Keningau	97.9%
15	Kota Kinabalu	97.9%
16	Penampang	97.9%
17	Tawau	97.9%
18	Papar	97.9%
19	Sandakan	97.9%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**